



Datuk Onn Jaafar



Tunku Abdul Rahman



Tun Abdul Razak



Tun Hussein Onn



Tun Dr Mahathir

Oleh Minarni Mat Saad

TANGGAL 11 Mei 1946 adalah tarikh keramat bagi bangsa Melayu di negara ini kerana lahirnya Umno sebuah parti yang menjadi asas dan semangat perjuangan orang Melayu untuk menentang penjajahan Inggeris.

Umno menjadi parti harapan bangsa untuk melindungi dan memperjuangkan nasib serta masa depan orang Melayu yang menghadapi tekanan penjajah dalam segala bidang sama ada politik, ekonomi mahupun sosial.

Penubuhan Umno adalah penentangan secara lantang orang Melayu terhadap pelaksanaan Malayan Union yang direncanakan Kerajaan British dengan muslihat untuk menguasai politik dan pentadbiran di Tanah Melayu.

Penubuhan Umno adalah hasil perpaduan bangsa Melayu - rakyat bersama raja - kerana menentang Malayan Union yang mempunyai muslihat menghapuskan segala tradisi (sistem politik, pentadbiran dan adat resam) serta sistem kerajaan semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu.

Berhadapan dengan rancangan Malayan Union yang dibawa British selepas Perang Dunia Kedua, pertubuhan Melayu seluruh Tanah Melayu dengan sukarela membubarkan organisasi masing-masing demi membuka jalan kepada sebuah parti politik yang ulung sebagai pernyataan hasrat semua golongan dan lapisan masyarakat bagi memperjuangkan hak orang Melayu.

Jika sebelum ini orang Melayu berpecah dengan pelbagai sentimen kenegerian dan pandangan yang sempit, sekarang mereka mula melihat realiti di depan mata, bangkit menentang Malayan Union.

Inilah asas dan semangat penyatuan Melayu sehingga lahirnya Umno pada 11 Mei 1946 di Istana Besar, Johor Bahru, Johor. Maka kerana itulah tarikh ini dianggap penting kepada bangsa Melayu dan sejarah negara kita.

Hari ini, Umno parti teras bangsa Melayu ini bakal menyambut ulang tahun ke-60. Banyak kejayaan sudah dikecapi Umno sejak penubuhannya, bukan saja menjadi parti kerajaan yang paling lama berkuasa di dunia, malah berjaya meletakkan bangsa Melayu, rakyat Malaysia dan negara pada tahap sekarang.

Tarikh 11 Mei amat bermakna untuk mengenangkan Umno seba-

60 tahun satukan bangsa

Konsep perkongsian kuasa amalan Umno bawa kestabilan politik, kemakmuran negara

gai parti yang amat besar jasanya kepada bangsa dan negara.

Tarikh keramat itu tidak sepatutnya dianggap hanya sebagai tarikh ulang tahun parti. Sebaliknya, generasi muda patut menghargai dan menghayati perjuangan parti dan mengingati tarikh itu sebagai tarikh penting dengan menanam dalam fikiran mereka bahawa tanpa Umno, Malaysia dan rakyatnya tidak akan dapat mengecapi hidup seperti sekarang - keamanan dan kemakmuran yang tiada nilainya tandingannya.

Kemakmuran ini bukan saja dinikmati bangsa Melayu, malah bangsa lain juga boleh hidup bersama menumpang rezeki dan kekayaan negara hasil perjuangan Umno. Semua kaum dapat menumpang hasil daripada keadilan kepemimpinan Umno.

Kepemimpinan parti lain mampu memerintah seadil kepemimpinan yang ada dalam Umno. Inilah keunikan konsep perkongsian kuasa yang menjadi teras kestabilan politik dan membawa kepada kemakmuran dan keharmonian bagi semua rakyat.



Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

FAKTA

- Umno lahir pada 11 Mei 1946 di Istana Besar, Johor Bahru.
- Penubuhan Umno adalah penentangan secara lantang orang Melayu terhadap pelaksanaan Malayan Union.
- Datuk Onn Jaafar adalah pengasas Umno.

Sejak zaman Tunku Abdul Rahman sehinggalah kepada Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn, Tun Dr Mahathir Mohamad dan kini Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, konsep itu terus menjadi amalan dan rahsia kejayaan Malaysia.

Biar pun mempunyai cara kepemimpinan yang berbeza, mereka tetap memastikan rakyat di negara ini mendapat keadilan yang sama.

Pastinya semua parti komponen BN yang lain berasa amat bersyukur kerana dapat berkongsi kuasa dengan Umno.

Pada masa sama, jasa dan sumbangan Datuk Onn Jaafar sebagai pengasas kemerdekaan wajar dikenang kerana beliau adalah pencetus dan pembakar semangat orang Melayu untuk menubuhkan Umno seterusnya bangun menentang penjajah.

Selepas 60 tahun usia Umno, kini Umno dalam keadaan yang selesa sebagai parti politik terulung negara. Namun, kekuatan Umno sebenarnya terletak kepada ahlinya. Ahli Umno perlu memikirkan sejauh mana Umno dapat bertahan dan bagaimana untuk menjamin

kekuatan parti berkekalan sepanjang masa.

Hari ini juga sambutan terbesar diadakan di Istana Besar Johor bagi memperingati Umno 60 tahun itu. Sambutan itu, pasti meninggalkan nostalgia yang cukup menyentuh perasaan apabila majlis akan dilakukan sama seperti dilakukan pada 11 Mei 1946 bagi mewujudkan semula semangat orang Melayu ketika mula-mula berjuang menubuhkan Umno bagi menghalang Malayan Union.

Sambutan itu juga bertujuan mengingatkan semula kepada penubuhan Umno agar diingati sampai bila-bila kerana buat pertama kali selepas ditubuhkan, Umno kembali semula ke tempat kelahirannya.

Simbolik sambutan itu ialah bacaan ikrar diketuai Ketua Pemuda Umno Johor, Razzali Ibrahim sebelum artis veteran terkenal, Datuk Rahim Razali membacakan perutusan Datuk Onn yang dibacakan pengasas Umno itu 60 tahun lalu.

Sultan Johor dijangka tiba jam 12.30 tengah hari dan baginda akan diiringi Abdullah serta ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno ke Tangga Agung Istana Besar, sebetum menandatangani plak perisytiharan sebagai simbolik seperti yang dilakukan Almarhum Sultan Ismail ketika merasmikan penubuhan Umno.

Justeru, sejarah penubuhan Umno pada 11 Mei 1946 adalah warisan tidak ternilai untuk bangsa Melayu kerana ia tidak sekadar rentetan peristiwa, malah terkandung semangat juang yang menjadi landasan kemajuan bangsa.



PIKUL AMANAH: Barisan Ahli Majlis Tertinggi Umno.